

Headline	Cypark Resources catat keuntungan RM11.3 juta		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	01 Apr 2017	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	171,663
Page No	17	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	156 cm ²
Journalist	Cypark	AdValue	RM 3,083
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,250



Cypark Resources catat keuntungan RM11.3 juta

KUALA LUMPUR 31 Mac - Cypark Resources Bhd. mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM11.3 juta bagi tempoh berakhir Januari lalu, meningkat RM1.1 juta atau 11.1 peratus daripada RM10.2 juta pada suku sama tahun sebelumnya.

Menurut syarikat tersebut, pendapatan kumpulan meningkat 14.1 peratus daripada RM68.8 juta kepada RM78.5 juta, manakala perolehan bagi setiap saham juga meningkat daripada 4.11 sen kepada 4.48 sen untuk tempoh sama.

Ketua Pegawai Eksekutif Cypark

Resources, Datuk Daud Ahmad berkata, peningkatan hasil itu disumbangkan oleh pendapatan beberapa projek baharu di bahagian kejuruteraan alam sekitar dan aktiviti pembinaan fasa 2 di Ladang Tanah Merah.

Kata beliau, segmen kejuruteraan alam sekitar menjana RM55.5 juta, iaitu peningkatan sebanyak 48.6 peratus berbanding RM37.3 juta pada suku pertama tahun lepas.

Jelasnya, pendapatan bagi bahagian teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui bagi suku semasa juga meningkat 7.5 peratus atau RM800,000 daripada RM10.1

juta kepada RM10.9 juta untuk tempoh sama.

“Prestasi kewangan semasa syarikat mencerminkan pelaksanaan model perniagaan yang tepat. Kami yakin prestasi ini akan berterusan disokong oleh usaha untuk mengukuhkan kedudukan dalam pasaran menumpukan tiga bidang perniagaan teras.

“Tiga bidang teras itu ialah tenaga boleh diperbaharui, teknologi hijau serta kejuruteraan dan rumusan alam sekitar yang



semakin meningkat dipacu oleh kesedaran alam sekitar, kemajuan teknologi dan pelaburan lebih bertanggungjawab,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Cypark Resources merupakan syarikat pakar teknologi dan kejuruteraan alam sekitar menumpukan kepada bidang tenaga boleh diperbaharui bersepadu, penyelesaian pengurossan sisa dan pemulihan alam sekitar.